

# INTEGRASI SISTEM PERHOTELAN DAN VETERINAR (PURRSTAY)

MUHAMMAD NURFASHAN SYAMIL BIN NOR AZLAN

MOHD ZAKREE BIN AHMAD NAZRI

*Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia*

## ABSTRAK

Projek ini mengetengahkan isu-isu penting dalam industri penjagaan haiwan peliharaan dengan memperkenalkan platform yang diintegrasikan untuk perkhidmatan pengasuhan haiwan dan perubatan veterinar, memenuhi keperluan akan penyelesaian yang berpusat dan mesra pengguna. Matlamat utama adalah untuk menyusun komunikasi dan koordinasi antara perniagaan haiwan peliharaan dan pemilik, menangani isu-isu yang berkaitan dengan pengurusan tempahan dan temujanji perubatan veterinar. Dalam usaha mencapai matlamat ini, kajian menggabungkan teknologi terkini untuk mencipta antara muka web yang mempermudah interaksi pengguna dengan menyediakan maklumat tentang haiwan kesayangan, kemudahan tempahan pengasuhan, dan temujanji perubatan veterinar secara efisien. Tambahan pula, dalam skop kajian dan usulan projek ini menitikberatkan pada keperluan akan pembinaan profesional dan akses kepada pengetahuan industri agar para pakar dapat memaksimumkan manfaat dari penggunaan platform ini. Sumbangan utama kajian ini terletak pada penekanan terhadap keperluan yang belum dipenuhi dalam ekosistem penjagaan haiwan peliharaan. Implikasi terhadap dasar melibatkan sokongan untuk peningkatan kesedaran dan penyesuaian teknologi dalam industri ini untuk meningkatkan kesejahteraan haiwan dan memudahkan pemilik haiwan. Selain itu, usulan projek ini juga menampakkan pentingnya kerjasama antara peniaga dan komuniti haiwan kesayangan untuk mencapai ekosistem yang lebih mampan dan saling mendukung. Seiring masyarakat semakin mengakui kepentingan haiwan kesayangan, projek ini membela pendekatan penjagaan haiwan yang lebih bersambung dan canggih secara teknologi, dengan matlamat membentuk ekosistem yang harmoni dan cekap bagi perniagaan serta komuniti pemilik haiwan.

## PENGENALAN

Integrasi Sistem Perhotelan dan Veterinar adalah khusus kepada peminat dan pemilik haiwan peliharaan yang memerlukan penjagaan dan kebajikan rapi terhadap haiwan peliharaan mereka. Ia merangkumi aspek utama yang mendorong pengenalpastian masalah dan keperluan. Integrasi ini bertujuan untuk menyelaraskan dan meningkatkan koordinasi antara perkhidmatan pengasuhan haiwan peliharaan dan penjagaan veterinar dalam satu sistem yang menyeluruh. Objektifnya adalah untuk mencipta platform yang lancar dan efisien,

memberikan manfaat kepada pemilik haiwan peliharaan dan penyedia perkhidmatan dengan mewujudkan komunikasi dan akses yang lebih baik dalam bidang penjagaan haiwan peliharaan.

Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (OIE) telah menetapkan kebajikan haiwan sebagai kemampuan sesuatu haiwan untuk menyesuaikan diri dengan keadaan persekitaran tempat ia berada. Untuk mencapai tahap kebajikan haiwan yang tinggi, penting untuk mengawal penyakit, memberikan rawatan perubatan veterinar yang sewajarnya, menyediakan tempat penginapan yang sesuai, melaksanakan pengurusan, memberikan nutrisi yang baik, mengendalikan haiwan secara berperikemanusiaan, dan melaksanakan proses penyembelihan atau pembunuhan dengan penuh kemanusiaan. Bagi individu yang sibuk dalam urusan yang memerlukan mereka untuk berada di luar Kawasan atau rumah mereka, atau jauh daripada haiwan peliharaan mereka sehingga menyebabkan mereka tidak berkesempatan memberi perhatian kepada penjagaan haiwan mereka, inisiatif untuk perhotelan haiwan sangat membantu golongan ini. Hal ini jelas menunjukkan bahawa keperluan terhadap penjagaan haiwan bukan sahaja terletak pada tuannya namun boleh juga dihulurkan tanggungjawab itu kepada pemilik hotel kucing yang khusus demi mengoptimumkan masa dan tenaga pemilik haiwan.

Oleh itu, bagi individu yang meminati dan menyayangi haiwan peliharaan, perkara ini pasti diterima dengan baik kerana hubungan emosional mereka yang kuat dengan haiwan peliharaan. Dengan ringkasnya, kepentingan wujudnya sistem integrasi perhotelan ini dapat disokong oleh keadaan di mana pemilik haiwan peliharaan dan peniaga barangan haiwan dapat berinteraksi melalui satu platform yang menyatukan mereka. Dalam konteks kajian ini, haiwan peliharaan merangkumi kucing, anjing, hamster, ikan, kura-kura, dan lain-lain. Walau bagaimanapun, untuk kajian ini, fokus tertumpu kepada industri perhotelan dan veterinar bagi haiwan peliharaan sahaja.

## METODOLOGI KAJIAN

Metodologi Agile adalah pendekatan bagi pengurusan projek yang membahagikan projek kepada fasa-fasa yang lebih kecil dan memimpin sesebuah kumpulan melalui kitaran perancangan, pelaksanaan dan penilaian.

### **Fasa Perancangan**

Dalam fasa ini, tumpuan diberikan kepada penulisan dokumen awal keperluan projek, yang merangkumi pemilihan topik, pernyataan masalah, skop pengguna, dan sebagainya. Fasa ini memainkan peranan penting dalam menentukan keperluan sistem. Beberapa kaedah digunakan untuk mengumpul keperluan sistem ini, termasuk temu bual dan soal selidik.

### **Fasa Reka Bentuk**

Dalam fasa ini, tumpuan diberikan kepada proses pembangunan projek yang akan dilaksanakan. Perbincangan merangkumi spesifikasi aplikasi, jenis tulisan, dan antara muka pengguna.

**Fasa Pembangunan**

Proses Pembangunan laman sesawang PurrStay telah dibangunkan dalam fasa ini. Ia dibangunkan dengan menggunakan HTML.

**Fasa Pengujian**

Fasa ini adalah fasa di mana laman sesawang yang telah selesai dibangunkan akan diuji. Tujuannya adalah untuk memastikan bahawa aplikasi mencapai objektif yang ditetapkan. Jika terdapat ralat yang dikesan semasa ujian, ralat tersebut akan diperbetulkan. Proses ini akan diulang sehingga tiada kesalahan dan sistem dapat berfungsi dengan lancar.

**Fasa Penerbitan**

Fasa ini merupakan proses menerbitkan sistem yang telah lengkap kepada pengguna.


**Fasa maklum balas**

Maklum balas akan diambil daripada pengguna bagi tujuan penambahbaikan laman sesawang. Setelah mengenalpasti Cadangan penambahbaikan yang boleh dibangunkan, kitaran fasa metodologi Agile akan kembali ke fasa perancangan.


**KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN**

Laman sesawang Integrasi Sistem Perhotelan dan Veterinar (PurrStay) telah berjaya dibangunkan dan semua dokumentasinya telah dilengkapkan. Semasa proses pembangunan, laman sesawang ini dibangunkan menggunakan Sublime Text 3 dengan bahasa pengaturcaraannya ialah Hyper Text Markup Language(HTML) . Pangkalan data yang digunakan ialah MySQL (diuruskan melalui phpMyAdmin). Cascading Style Sheets (CSS) yang digunakan dalam pengaturcaraan sistem laman sesawang ini adalah untuk reka bentuk antara muka bagi laman sesawang ini.

Apabila memasuki sistem laman sesawang, pengguna akan disambut oleh halaman kategori pengguna. Untuk mula menggunakan sistem, pengguna perlu menekan salah satu butang kategori mengikut peranan pengguna. Kedua – dua butang tersebut akan membawa pengguna ke laman yang berbeza. Rajah 1 menunjukkan antara muka halaman kategori pengguna yang terdiri daripada 2 butang berbeza. Apabila pengguna menekan butang “Customer” , pengguna akan dibawa ke halaman utama iaitu katalog yang memaparkan senarai kedai dan pengguna boleh membuat carian dengan menggunakan fungsi tapisan seperti rajah 2. Pengguna kategori pelanggan ini tidak perlu mendaftar masuk kerana sistem ini membenarkan pengguna yang tidak berdaftar juga untuk membuat carian. Namun pengguna oleh pengguna tidak berdaftar adalah terhad dan tidak boleh membuat tempahan seperti pengguna yang berdaftar.




Rajah 1 Antara muka kategori pengguna



Rajah 2 Antara muka laman utama pelanggan bagi laman sesawang PurrStay

Dalam Rajah 2, pengguna boleh membuat carian berdasarkan butang-butang dan fungsi yang disediakan pada laman tersebut. Butang-butang tersebut merangkumi “Boarding”, “Grooming”, “PetShop” dan “Veterinar”. Pencarian lokasi perkhidmatan/perniagaan juga boleh dicari dengan menggunakan senarai jantai (dropdown) dan bar carian mengikut kata kunci nama perniagaan/perkhidmatan. Sistem akan memaparkan perniagaan yang menepati tapisan yang dibuat oleh pengguna.




Rajah 3 Antara muka maklumat perniagaan

Berdasarkan Rajah 3, halaman ini merupakan halaman maklumat terperinci berkaitan suatu perniagaan/perkhidmatan. Halaman ini akan dipaparkan jika pengguna menekan butang “Open” pada halaman utama, iaitu seperti yang ditunjukkan dalam rajah 2. Di sini pengguna dapat melihat butiran seperti alamat, ringkasan maklumat perniagaan, jenis perkhidmatan yang ditawarkan dan nombor telefon serta nama untuk dihubungi oleh pelanggan.

 The screenshot displays the registration form on the PurrStay website. At the top, there is a teal banner with the text 'Get Malaysia's Cat Sitters, Groomers, Vet, and Boarding store near you!'. Below the banner, the heading 'Register to PurrStay' is centered. The form consists of several input fields: 'Name' (with placeholder 'Enter your name'), 'Email address' (with placeholder 'Enter your email'), 'Password' (with placeholder 'Enter password'), 'Confirm Password' (with placeholder 'Confirm your password'), and 'Phone No.' (with placeholder 'Enter your phone number'). At the bottom of the form, there are two buttons: a blue 'Sign Up' button and a grey 'Reset' button.


Rajah 4 Antara muka halaman pendaftaran akaun

Pengguna boleh dibawa ke halaman ini sekiranya pengguna menekan “Sign Up” seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2. Ruangan pengesahan kata laluan akan memaparkan amaran jika pengesahan kata laluan yang diisi tidak sama dengan kata laluan yang diisi. Hal ini adalah untuk memastikan pengguna dalam keadaan sedar dan tahu tentang kata laluan yang mereka isikan.




Rajah 5 Antara muka halaman daftar masuk

Setelah mengisi butiran pendaftaran, pengguna akan dibawa ke halaman daftar masuk. Navigasi ke halaman ini juga telah disediakan di halaman utama (Rajah 2) bagi membenarkan pengguna yang telah mempunyai akaun mereka. Pendaftaran yang berjaya akan mendapat mesej dialog bahawa daftar masuk adalah berjaya dan pengguna dibawa semula ke halaman utama dengan nama pengguna serta maklumat berkaitan akan dipaparkan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 6.



Rajah 6 Halaman utama dengan pengguna telah mendaftar masuk



Rajah 7 Antara muka fitur "Profile"

Rajah 7 menunjukkan bahawa pengguna boleh mengemaskini maklumat pengguna dengan menekan butang “Edit” dan perlu mengisi butiran baharu diikuti dengan menekan “Save” untuk menyimpan maklumat tersebut ke dalam pangkalan data. Maklumat yang baru dikemasikini akan dipaparkan pada fitur ini. Fitur ini boleh didapati apabila menekan nama pengguna yang terapar seperti dalam Rajah 6.

**PurrStay**  
Get Malaysia's Cat Sitters, Groomers, Vet, and Boarding store near you!

Reservation Form

Services: shoo

Check-in Date: dd/mm/yyyy

Check-out Date: dd/mm/yyyy

Select Your Pet: Uteh

Note:

Submit Reservation

Rajah 8 Antara muka halaman penempahan

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, hanya pengguna berdaftar sahaja yang boleh membuat tempahan. Rajah 8 dapat dibuka oleh pengguna kerana pengguna telah mendaftar masuk. Halaman yang ditunjukkan dalam Rajah 8 adalah halaman penempahan yang dapat dibuka sekiranya pengguna menekan “Make Reservation” pada halaman maklumat perniagaan/perkhidmatan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.

Bookings

Reservation ID: 3  
Pet ID: 3  
Services: shop,grooming,boarding  
Check-in Date: 2024-07-26  
Check-out Date: 2024-07-26  
Status: successful

Reservation ID: 4  
Pet ID: 5  
Services: shop,grooming,boarding  
Check-in Date: 2024-07-19  
Check-out Date: 2024-07-19  
Status: successful

Your Pets View Bookings

Get Malay... ing store near you!


Search

Veterinar


Rajah 9 Antara muka maklumat tempahan

Setelah membuat tempahan, pengguna boleh melihat maklumat tempahan yang sudah dibuat melalui butang “View Booking” pada halaman utama. Status tempahan sama ada

“Successful” , “Pending” atau Failed” adalah bergantung kepada peniaga/pembekal perkhidmatan.




Rajah 10 Antara muka fitur “Your Pets”



Rajah 11 Fitur “Create Pet”

Rajah 10 menunjukkan fitur “Your Pets” merupakan fitur yang memerlukan pengguna untuk mengisi maklumat haiwan peliharaan mereka. Pengguna boleh juga mempunyai lebih daripada satu akaun haiwan peliharaan (seperti Rajah 11) dan juga boleh mengemaskininya.




Rajah 12 Antara muka daftar masuk bagi perniagaan

Dalam Rajah 1, telah menunjukkan kategori pengguna iaitu, “Customer” dan “Vendor”. Jika pengguna menekan “Vendor”, pengguna akan dibawa ke halaman dalam Rajah 12. Halaman ini adalah untuk pengguna yang merupakan peniaga atau pembekal perkhidmatan. Sekiranya



pengguna tidak mempunyai akaun perniagaan, pengguna boleh mendaftar dengan menekan “Register”. Setelah pengguna mendaftar masuk, pengguna akan dibawa ke Papan Pemuka perniagaan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 13.



**PurrStay**  
Get Malaysia's Cat Sitters, Groomers, Vet, and Boarding store near you!

Welcome Elon!


Store Name: Tesla  
[Edit Store](#)

Reservations

Reservation ID	Pet ID	Services	Check In Date	Check Out Date	Customer ID	Note	Status	Action
3	3	shop,grooming,boarding	2024-07-26	2024-07-26	17	mine	successful	<a href="#">Accept</a> <a href="#">Reject</a>
4	5	shop,grooming,boarding	2024-07-19	2024-07-19	17		successful	<a href="#">Accept</a> <a href="#">Reject</a>

Rajah 13 Antara muka papan pemuka perniagaan

Di halaman seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 13, pengguna boleh melihat nama perniagaan, mengemaskini maklumat butiran perniagaan mereka, melihat tempahan yang dibuat oleh pelanggan dan memilih sama ada mahu menerima atau menolak tempahan tersebut. Rajah 14 pula menunjukkan antara muka yang dipaparkan sekiranya pengguna cuba untuk mengemaskini maklumat butiran perniagaan dengan menekan “Edit Store”.



**PurrStay**  
Get Malaysia's Cat Sitters, Groomers, Vet, and Boarding store near you!

Business Update

Organization/Business Name  
Tesla

Address  
NO.7 lorong is 67, perkampungan indera sempurna Kelantan

Business Type  
Store

Services  
Shop, Grooming, Boarding

Description

Rajah 14 Antara muka Kemaskini Maklumat Perniagaan

Seperti dalam Rajah 3, maklumat perniagaan yang terpapar kepada pengguna jenis pelanggan atau “Customer”, adalah bergantung kepada maklumat yang diisi oleh pengguna jenis peniaga atau pembekal perkhidmatan dalam halaman seperti dalam Rajah 14. Maklumat yang dipaparkan kepada pengguna jenis pelanggan ketika melihat butiran perniagaan adalah selari dengan maklumat yang telah diisi atau dikemaskini oleh pengguna jenis peniaga. Seterusnya, jika pengguna (peniaga) menerima tempahan dengan memilih “Accept”, status “Successful” akan dipaparkan di papan pemuka seperti Rajah 13 dan juga pada maklumat tempahan seperti dalam Rajah 9.

## Pengujian Perisian

Pengujian perisian adalah proses penting dalam pembangunan perisian yang bertujuan untuk memastikan bahawa perisian yang dibangunkan memenuhi keperluan pengguna dan bebas dari sebarang kecacatan yang boleh menjejaskan fungsinya. Pengujian ini melibatkan pelbagai teknik dan metodologi untuk menilai kualiti dan prestasi perisian. Antara pengujian yang dilakukan dalam pembangunan sistem laman sesawang ini termasuklah Ujian Unit, Ujian Integrasi, Ujian Pengaliran Data, Ujian Keselamatan dan Ujian Peralihan Keadaan.

Pengujian kefungsiian memastikan setiap aspek dan fungsi utama beroperasi dengan baik, termasuk interaksi pengguna, integrasi sistem, dan pengujian kesalahan. Hasil dari pengujian ini memberikan gambaran tentang prestasi sistem, merangkumi masalah atau isu yang mungkin muncul, serta menetapkan sama ada sistem laman sesawang PurrStay boleh untuk digunakan oleh pengguna akhir. Keputusan dari pengujian kefungsiian ini penting untuk menilai prestasi secara menyeluruh dan memastikan kelancaran sistem sebelum diimplementasikan secara meluas. Jadual 1 menunjukkan keputusan pengujian terhadap laman sesawang PurrStay.

Jadual 1 Keputusan Pengujian terhadap laman sesawang PurrStay

ID Ujian	Kes Guna	Pemerhatian	Keputusan
T01	Daftar Akaun	Akaun pengguna berjaya didaftarkan, sistem memaparkan mesej amaran jika terdapat sebarang kesalahan pada pengisian, maklumat juga berjaya dimasukkan ke dalam pangkalan data	Lulus
T02	Membuat carian dan membuat tapisan pencarian	Pengguna boleh membuat carian menggunakan kata kunci. Bahagian yang menempatkan pelbagai jenis perkhidmatan/ perniagaan berjaya memaparkan perkhidmatan/perniagaan yang dicari mengikut tapisan yang ditetapkan pengguna.	Lulus
T03	Mengemaskini maklumat haiwan peliharaan	Pengemaskinian berjaya dibuat dan pengguna boleh melihat paparan maklumat haiwan peliharaan mereka yang telah dikemaskini, pangkalan data juga berjaya menyimpan maklumat haiwan peliharaan	Lulus
T04	Mengemaskini maklumat profil	Pengguna berjaya mengemaskini maklumat profil. Kata laluan yang diubah oleh pengguna ditukar dalam bentuk sulit di dalam pangkalan data	Lulus
T05	Membuat tempahan perkhidmatan	Pengguna dapat membuat tempahan dan maklumat tempahan dipaparkan di bahagian "Bookings"	Lulus
T06	Menerima tempahan dan melihat status	Pengguna (Pembekal perkhidmatan) dapat melihat tempahan di papan	Lulus

	tempahan	pemuka dan boleh menerima tempahan. Bahagian “tindakan” di halaman papan pemuka bertukar menjadi perkataan “Accepted”	
T07	Mengemaskini maklumat organisasi	Pengguna (pembekal perkhidmatan) dapat mengemaskini maklumat organisasi dan berlaku perubahan di butiran maklumat yang boleh dilihat oleh pengguna (pelanggan)	Lulus

Jadual 2 merupakan Jadual Penilaian Skor yang ditetapkan bagi mengukur tahap kepuasan pengguna. Jadual ini akan digunakan sebagai panduan untuk menilai prestasi berdasarkan skor yang diperoleh daripada maklum balas pengguna terhadap penggunaan sistem laman sesawang PurrStay. Penilaian oleh pengguna dikumpulkan melalui respon Google Form.

Jadual 2 Panduan Penilaian Skor

Min Skor Diperoleh	Penilaian
0 – 1.67	Tidak memuaskan
1.68 – 3.33	Memuaskan
3.34 – 5.00	Sangat Memuaskan

Jadual 3 dibawah menunjukkan purata skor yang diperoleh daripada respon yang dikumpulkan melalui Google Form. Skor tersebut telah dikira mengikut purata dan dijadualkan. Borang maklum balas yang disediakan membenarkan pengguna untuk memberi penilaian markah antara 1 – 5. Jadual 3 di bawah mewakili ringkasan penilaian yang berjaya dikumpulkan dari 10 orang pengguna yang terlibat dalam ujian ini dengan berpandukan penilaian dalam Jadual 2.

Jadual 3 Min Skor dan Penilaian Pelbagai Aspek terhadap laman sesawang PurrStay

Jenis Ujian	Min Skor	Penilaian
Pengguna dapat mendaftar akaun PurrStay	Tidak berkaitan	Memuaskan
Pengguna dapat log masuk ke dalam sistem PurrStay	Tidak berkaitan	Memuaskan
Tahap kepuasan reka bentuk sistem PurrStay	3.40	Sangat Memuaskan
Tahap kepuasan kefungsiian sistem	3.18	Memuaskan
Tahap kepuasan kelancaran sistem	3.60	Sangat Memuaskan
Tahap kebolehfahaman penggunaan sistem	4.20	Sangat Memuaskan
Tahap kepuasan menggunakan sistem PurrStay	3.90	Sangat Memuaskan
Tahap sokongan terhadap sistem PurrStay	4.67	Sangat Memuaskan

Bagi jadual di atas, terdapat min skor yang nilainya tidak berkaitan adalah disebabkan kerana pengguna yang memberikan penilaian hanya diberikan 2 pilihan jawapan sama ada ‘ya’ atau ‘tidak’. Penilaian direkodkan sebagai ‘Memuaskan’ adalah kerana kesemua respon yang diperoleh memilih ‘Ya’ jadi penilaian yang diambil kira adalah ‘Memuaskan’. Bagi ujian

yang selebihnya seperti tahap kepuasan reka bentuk, kebolehfahaman, kefungisian, kelancaran, dan sokongan terhadap laman sesawang sistem PurrStay telah mendapat maklum balas yang positif. Penilaian ini telah menunjukkan bahawa pengguna berpuas hati dengan prestasi dan kefungisian yang terdapat pada laman sesawang PurrStay.

### **Cadangan Penambahbaikan**

Untuk memastikan sistem PurrStay dapat berfungsi dengan lebih baik dan memberikan pengalaman pengguna yang optimum, beberapa cadangan penambahbaikan boleh dipertimbangkan. Pertama, meningkatkan langkah-langkah keselamatan dengan mengaplikasikan teknologi terkini seperti kecerdasan buatan untuk memajukan bahagian pencarian serta penggunaan protokol penyulitan yang lebih kukuh dan pengesahan dua faktor secara menyeluruh. Kedua, mengoptimumkan kebolehgunaan di pelbagai platform dengan menguji sistem secara menyeluruh pada pelbagai peranti, menggunakan reka bentuk responsif yang lebih baik dan meningkatkan prestasi pada peranti mudah alih. Ketiga, bekerjasama dengan penyedia perkhidmatan internet untuk memastikan sambungan yang lebih stabil dan cepat, terutamanya di kawasan dengan sambungan internet yang lemah, supaya semua pengguna dapat mengakses sistem dengan lancar tanpa gangguan.

## **KESIMPULAN**

Projek pembangunan sistem laman sesawang PurrStay bertujuan untuk mewujudkan komuniti peminat haiwan peliharaan dan saling menghubungkan antara pelanggan dan industri. Sistem ini direka dengan antara muka yang mesra pengguna, supaya membolehkan pengguna untuk membuat carian perkhidmatan yang mereka perlukan untuk haiwan peliharaan mereka. Di samping itu, sistem ini dilengkapi dengan ciri ulasan dan penilaian perkhidmatan, yang membolehkan pengguna membuat keputusan yang lebih bijak ketika memilih penyedia perkhidmatan.

### **Kekuatan Sistem**

Sistem ini merangkumi reka bentuk yang terdiri daripada pelbagai kombinasi ikon dan warna yang memudahkan pengguna untuk mengenalpasti aliran perjalanan sistem ini. Selain itu, sistem ini dibina dalam bahasa Inggeris bertujuan meraikan pengguna antarabangsa. Dengan sistem navigasi yang intuitif dan panduan yang jelas, pengguna boleh dengan mudah mencari maklumat dan perkhidmatan yang mereka perlukan. Di samping itu, sistem ini direka untuk responsif terhadap pelbagai peranti, memastikan pengalaman pengguna yang lancar tidak kira sama ada mereka mengaksesnya melalui komputer, tablet, atau telefon pintar.

### **Kelemahan Sistem**

Sistem ini juga menghadapi cabaran kebolehgunaan di pelbagai platform, di mana masalah kebolehgunaan dan responsif pada beberapa peranti tertentu mungkin mengakibatkan pengalaman pengguna yang tidak konsisten. Kebergantungan kepada sambungan internet yang stabil juga merupakan kekangan, kerana pengguna di kawasan dengan sambungan internet yang lemah mungkin menghadapi kesukaran mengakses semua ciri yang ditawarkan.

Walaupun antara muka sistem ini mesra pengguna, masih terdapat pengguna yang mungkin memerlukan masa untuk menyesuaikan diri, dan latihan serta panduan penggunaan mungkin diperlukan untuk memastikan semua pengguna dapat memanfaatkan sistem ini sepenuhnya.

Di samping itu, walaupun sistem ini menyediakan sokongan pelbagai bahasa, tidak semua bahasa mungkin disokong pada peringkat awal, menjadi kekangan bagi pengguna yang tidak fasih dalam bahasa-bahasa yang disediakan. Akhirnya, sistem ini mungkin menghadapi cabaran dalam mengintegrasikan data dan berfungsi bersama sistem perkhidmatan haiwan peliharaan lain yang sudah sedia ada, memerlukan usaha tambahan dalam pembangunan dan penyelenggaraan. Dengan memahami dan menangani kekangan-kekangan ini, pihak pengurusan PurrStay dapat memastikan sistem ini dapat berfungsi dengan optimum dan memberikan manfaat yang maksimum kepada penggunanya.

### **PENGHARGAAN**

Penulis kajian ini ingin ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Mohd Zakree bin Ahmad Nazri yang telah membimbing dan memberi pandangan dan tunjuk ajar kepada saya sepanjang menjalankan projek ini.

Penulis kajian ini juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang membantu secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyempurnakan projek ini. Segala bantuan yang telah dihulurkan amatlah dihargai kerana tanpa bantuan mereka, projek ini tidak dapat dilaksanakan dengan baik. Semoga tuhan merahmati dan memberikan balasan yang terbaik.

### **RUJUKAN**

Jabatan Perkhidmatan Veterinar. 2018. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kebajikan Haiwan. <https://www.dvs.gov.my/index.php/pages/view/1691> [14 Januari 2024].

BusinessToday. 2023. Does Malaysia Have Sufficient Veterinarians? <https://www.businesstoday.com.my/2023/09/13/does-malaysia-have-sufficient-veterinarians/> [14 Januari 2024].

Nur Lela Zulkipli. 2019. Hotel kucing penuh 70%. <https://www.hmetro.com.my/utama/2019/06/462048/hotel-kucing-penuh-70> [14 Januari 2024].

Wrike. (t.th.). What Is Agile Methodology in Project Management? <https://www.wrike.com/project-management-guide/faq/what-is-agile-methodology-in-project-management/> [14 Januari 2024].

Rouse, M. 2020. What is a Website? - Definition from Techopedia. <https://www.techopedia.com/definition/5411/website> [18 Januari 2024].

- Guthrie, L. 2022. Pet Boarding 101: Where to Keep Your Pet While You're Away. <https://www.pumpkin.care/blog/what-is-pet-boarding/> [18 Januari 2024].
- Lam, J. 2020. Everything You Need to Know About Pet Boarding. <https://be.chewy.com/everything-you-need-to-know-about-pet-boarding/> [18 Januari 2024].
- St. George's University. 2021. What Is a Veterinarian? Uncovering the Role of Animal Doctors. <https://www.sgu.edu/blog/veterinary/what-is-a-veterinarian/> [18 Januari 2024].
- PetBacker. 2024. Malaysia Pet Boarding, Sitting, Grooming: Petbacker. <https://www.petbacker.com/d/malaysia> [18 Januari 2024].
- Petotum. 2022. Petotum. <https://app.petotum.com/discover> [18 Januari 2024].
- PetFinder.my. 2024. Boarding In Malaysia: PetFinder.my Classifieds. <https://www.petfinder.my/classifieds.php?cat=2> [18 Januari 2024].
- Cheng, H. 2023. Building Trust with Customers. <https://www.freedomtoascend.com/sales/sales-psychology/motivation/building-trust-with-customers/> [18 Januari 2024].
- Wiegers, K.E. 2009. *Software Requirements*. Ed. ke-2. Microsoft Press.
- Inside Tech. (t.th.). What are the Best PCs for Web Development? <https://inside-tech.co.uk/what-are-the-best-pcs-for-web-development/> [20 Januari 2024].
- Vadapalli, P. 2023. op 10 Best laptops for Web Development in 2024 [Specs, Price] <https://www.upgrad.com/blog/best-laptops-for-web-development/> [20 Januari 2024].
- Tawde, S. 2023. Architectural Design in Software Engineering. <https://www.educba.com/architectural-design-in-software-engineering/> [23 Januari 2024].
- Manchanda, A. 2023. What is Software Architecture in Software Engineering? <https://www.netsolutions.com/insights/why-software-architecture-matters-to-build-scalable-solutions/> [24 Januari 2024].
- O'Reilly Media. 2024. Software Architecture Patterns. <https://www.oreilly.com/library/view/software-architecture-patterns/9781491971437/ch01.html> [24 Januari 2024].
- Alexandra, A. 2017. What is N-Tier Architecture? How It Works, Examples, Tutorials, and More. <https://stackoverflow.com/n-tier-architecture/> [24 Januari 2024].
- Visual Paradigm. (t.th.). What is Class Diagram? <https://www.visual-paradigm.com/guide/uml-unified-modeling-language/what-is-class-diagram/> [24 Januari 2024].

*Muhammad Nurfashan Syamil bin Nor Azlan (A187687)*

*Prof. Madya Dr. Mohd Zakree bin Ahmad Nazri*

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat

Universiti Kebangsaan Malaysia

Copyright@FTSM  
UKM